

BAB VII

KESIMPULAN DAN CADANGAN

7.0 PENDAHULUAN

Bab ini menerangkan ringkasan kajian secara menyeluruh. Ianya merangkumi tujuan kajian, rekabentuk kajian, sampel kajian, instrumen kajian dan pendekatan analisis data yang digunakan bagi menjawab persoalan kajian. Seterusnya, disusuli dengan perbincangan dapatan kajian dan kesimpulan yang merumuskan setiap dapatan kajian. Bab ini juga mengemukakan implikasi dapatan kajian terhadap pedagogi pengajaran dan strategi pembelajaran pola ayat bahasa Arab di sekolah-sekolah Malaysia. Akhir sekali pengkaji mengemukakan beberapa cadangan kajian lanjutan kepada pengkaji-pengkaji lain di masa akan datang .

7.1 KESIMPULAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk; (a) Menganalisis masalah yang dihadapi ketika membina ayat bahasa Arab dari aspek sintaksis, morfologi dan leksikal, (b) Mengenalpasti aspek kelemahan dan kesilapan tatabahasa pelajar dalam membina ayat-ayat bahasa Arab, (c) Membangunkan dan membina satu modul pengajaran pola ayat bahasa Arab berdasarkan Model Rekabentuk Pengajaran Dick & Carey (2005), (d) Menilai keberkesanan pendekatan pengajaran pola ayat bahasa Arab menggunakan modul dari aspek pembinaan ayat gramatis oleh pelajar.

Pembinaan modul pengajaran pola ayat bahasa Arab ini adalah rentetan daripada dapatan kajian analisis keperluan. Masalah dan kelemahan pelajar ketika mempelajari pola ayat dikenalpasti. Dapatan ini digunakan bagi membina isi kandungan modul pengajaran pola ayat bahasa Arab dan strategi pengajaran yang boleh digunakan.

Modul pengajaran pola ayat bahasa Arab dibina adalah berpandukan model rekabentuk pengajaran Dick & Carey (2005). Modul ini terdiri daripada; (a) Objektif umum dan objektif khusus pengajaran pola ayat bahasa Arab, (b) Modul dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu bahagian A iaitu pola ayat ismiyyat mengandungi 6 unit dan bahagian B pola ayat fi'liyyat mengandungi 4 unit (c) Setiap unit diajar berdasarkan pola dan tema tertentu, (d) Setiap unit disediakan kosakata yang secukupnya supaya pelajar dapat membina ayat, (e) Senarai latihan disediakan bagi menguji kecekapan pelajar selepas selesai pengajaran dan pembelajaran bagi setiap unit.

Rekabentuk kajian ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu (a) Rekabentuk kajian deskriptif dan, (b) Rekabentuk kajian kuasi-eskperimen. Sampel kajian terdiri daripada 178 orang pelajar tingkatan satu (akhir tahun 2009) dan tingkatan dua (awal tahun 2010) dari tiga buah sekolah SMKA dan aliran KAA di negeri Kedah.

Dalam kajian deskriptif, pengkaji telah menjalankan soal selidik dan ujian diagnostik ke atas 178 orang responden bagi mengenalpasti masalah pelajar ketika membina ayat dan aspek kelemahan serta kesilapan yang selalu dilakukan pelajar semasa membina ayat-ayat bahasa Arab.

Sementara dalam kajian kuasi-eksperimen, pelajar dibahagikan kepada kumpulan rawatan dan kawalan. Selepas menduduki ujian pra, pelajar kumpulan rawatan diberi rawatan pengajaran menggunakan modul pengajaran pola ayat bahasa Arab. Sementara pelajar kumpulan kawalan diberi rawatan pengajaran menggunakan pendekatan tradisional. Setelah 12 minggu menjalani proses pengajaran dan pembelajaran kedua-dua kumpulan menduduki ujian pos. Dua instrumen ujian pra dan ujian pos digunakan bagi menilai pencapaian pelajar dalam pembinaan ayat bahasa Arab yang gramatis.

7.2 RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Kajian ini meliputi dua bahagian iaitu fasa I kajian deskriptif dan fasa II iaitu kajian kuasi-eksperimen.

7.2.1 Rumusan Dapatan Kajian Fasa I (Kajian Deskriptif)

Dapatan kajian fasa I merangkumi analisis masalah pelajar ketika membina ayat bahasa Arab yang gramatis dan aspek kelemahan dan kesilapan tatabahasa pelajar ketika membina ayat bahasa Arab.

7.2.1.1 Analisis Masalah Pelajar Ketika Membina Ayat Bahasa Arab

Dapatan mengenai masalah pelajar ketika membina ayat bahasa Arab adalah merangkumi masalah leksikal, morfologi dan sintaksis. Dapatan menunjukkan tahap penguasaan responden terhadap aspek leksikal masih di tahap yang lemah dan

sederhana. Kajian menunjukkan 15.7% berada di tahap lemah, 55.6% di tahap sederhana. Kajian juga menunjukkan hanya 28.7% di tahap yang baik.

Dalam aspek morfologi pula kajian mendapati lebih 50% responden berada di tahap sederhana, lemah dan amat lemah. Dapatan menunjukkan hanya 36.5% berada di tahap baik dan 6.2% adalah cemerlang. Oleh itu dapatan merumuskan penguasaan responden dalam aspek morfologi masih di tahap yang sederhana dan lemah.

Manakala dalam aspek sintaksis, dapatan menunjukkan 22.5% berada di tahap yang lemah dan 56.7% berada di tahap sederhana. Manakala 20.2% berada di tahap baik. Secara umumnya, penguasaan responden dalam aspek sintaksis masih di tahap yang sederhana dan lemah.

Rumusan daripada analisis masalah pelajar dalam membina ayat dari aspek leksikal, morfologi dan sintaksis, maka dapatan menunjukkan aspek sintaksis merupakan aspek yang paling sukar dikuasai oleh pelajar dalam membina ayat-ayat yang gramatis kerana lebih 80% pelajar berada di tahap yang lemah dan sederhana. Dalam aspek leksikal pula, lebih 70% pelajar berada di tahap yang sederhana dan lemah. Manakala dalam aspek morfologi lebih 50% pelajar berada di tahap sederhana dan lemah.

7.2.1.2 Analisis Kelemahan Dan Kesilapan Tatabahasa Ketika Membina Ayat

i. Pengkelasan Kata

a. Dalam aspek pengkelasan kata nama kajian mendapati 65.2% responden dapat mengenalpasti kelas kata nama dengan tahap skor cemerlang. Manakala 20.2% berada di tahap baik dan 9.0% di tahap sederhana. Dapatan ini menunjukkan lebih 80% responden dapat mengenali kata nama bahasa Arab dengan baik dan memuaskan.

b. Dalam aspek pengkelasan kata kerja dapatan menunjukkan 73.6% responden dapat mengenalpasti kelas kata kerja dengan tahap skor cemerlang. Manakala 6.2% menunjukkan tahap skor yang baik. Sementara itu 20% berada di tahap sederhana dan lemah. Oleh itu, jelas menunjukkan tahap penguasaan pelajar dalam aspek pengkelasan kata kerja berada di tahap yang baik dan cemerlang.

c. Dalam aspek pengkelasan kata sendi pula, dapatan menunjukkan 94.9% responden dapat mengenalpasti kelas kata sendi pada tahap skor cemerlang.

ii Pengkelasan Kata Nama (Gender)

Dalam aspek pengkelasan kata nama maskulin 77.5% mendapat skor cemerlang, 20.2% mendapat skor baik dan sederhana . Dapatan ini menggambarkan kebanyakan pelajar dapat mengenali kata nama maskulin. Dalam kategori kata nama feminin pula, dapatan menunjukkan 75.3% mendapat skor cemerlang dan 19.7% mendapat skor baik.

iii. Jenis Kata Nama (Bilangan)

Dapatan menunjukkan lebih 80% responden dapat mengenali kata nama tunggal di mana 39.9% mendapat skor cemerlang, 23.6% mendapat skor baik, dan 19.1% mendapat skor sederhana. Sementara itu penguasaan pelajar terhadap kata nama duaan

72.5% mendapat skor yang cemerlang, 5.6% mendapat skor baik dan 6.7% mendapat skor sederhana. Ini menunjukkan pelajar dapat menguasai kata nama duaan dengan baik dan cemerlang. Manakala dalam penguasaan kata nama jamak pula, dapatan menunjukkan 53.4% mendapat skor cemerlang dan baik. Manakala 23% mendapat skor yang sederhana.

iv. Derivasi Kata Kerja

Kajian menunjukkan pelajar lemah dalam menderivasikan kata kerja. Dapatan mendapati 5.6% mendapat skor lemah dan 74.7% mendapat skor yang amat lemah dalam menderivasikan kata kerja lepas. Bagi derivasi kata kerja sedang, 5.6% mencapai tahap skor lemah dan 82.6 % mencapai tahap skor amat lemah. Manakala derivasi kata perintah pula, 92.7 % mencapai tahap skor amat lemah. Oleh itu, dapat dirumuskan lebih 80% pelajar lemah dalam menderivasikan kata kerja lepas, sedang dan kata perintah.

v. Ayat Ismiyyat

Kajian mendapati 32.6% mendapat skor cemerlang. Manakala 28.1% mendapat skor baik dan 17.4% mendapat skor sederhana. Dapatan ini menunjukkan pelajar dapat menyusun perkataan bagi membina ayat ismiyyat dengan baik.

vi. Ayat Fi 'liyyat

Dapatan menunjukkan pelajar tidak dapat menguasai pola ayat fi 'liyyat dengan baik. Lebih 90% pelajar gagal menukarkan pola ayat ismiyyat kepada pola ayat fi 'liyyat. Dapatan jelas menunjukkan 61.2% mencapai tahap skor lemah dan 37.1 % mendapat skor amat lemah.

vii. Mengkategorikan Jenis Pola Ayat

Kajian menunjukkan 20.2% mendapat skor cemerlang dan 28.1% mendapat skor baik. Dapatan mendapati pelajar masih lemah dalam mengkategorikan jenis pola ayat samada pola ayat ismiyyat atau pola ayat fi'liyyat.

viii. Penilaian Ayat Gramatis

Kajian menunjukkan lebih 60% pelajar mendapat skor yang sederhana dan lemah dalam menilai ayat-ayat gramatis. Kajian mendapati 18.0% mencapai tahap skor lemah dan 39.9% mendapat skor yang amat lemah. Sementara itu, 14.6% mencapai tahap skor sederhana. Kajian ini jelas menunjukkan pelajar masih tidak dapat membezakan ayat gramatis dan ayat bukan gramatis.

Rumusan daripada hasil perbincangan dapatan di atas, kajian mendapati responden masih lemah dalam aspek tatabahasa dan pembinaan ayat. Walaupun dapatan mendapati lebih 50% responden mengenali kelas kata bahasa Arab, tetapi kebanyakan responden masih lemah dalam menderivasikan kata kerja bahasa Arab. Fenomena ini menyebabkan responden tidak dapat menyesuaikan perkataan dari segi genus dan bilangan dalam menyusun perkataan supaya menjadi ayat yang gramatis. Kajian Che Radiah (2006) mendapati kesilapan pelajar dalam penggunaan bentuk/pola perkataan menyebabkan ayat yang dibina tidak gramatis.

Selain itu, pelajar juga lemah dalam aspek sintaksis di mana mereka tidak dapat menyusun perkataan bagi membina ayat-ayat yang gramatis. Kajian Naimah (2003) menyokong dapatan di atas dan mendapati faktor kesilapan sintaksis antaranya

ialah kelemahan pendekatan komunikasi yang diguna oleh guru-guru sekolah mengabaikan peraturan tatabahasa secara formal dalam pengajaran bahasa Arab. Manakala kajian Zainol Abidin (2003), mendapati kelemahan pelajar menguasai item leksikal dan susunannya dalam ayat jelas mempengaruhi keupayaan pelajar membentuk dan menulis ayat yang gramatis.

Secara keseluruhannya, didapati responden masih lemah dan tidak dapat menguasai aspek leksikal, morfologi dan sintaksis menyebabkan mereka tidak dapat membina ayat-ayat bahasa Arab yang gramatis. Maka daripada hasil dapatan ini, pengkaji dapat membina isi kandungan modul pengajaran pola ayat bahasa Arab agar pelajar dapat mempelajari teknik dan strategi pembinaan ayat bahasa Arab dengan mudah dan berkesan.

7.2.2 Rumusan Dapatan Kajian Fasa II (Kajian Kuasi-Eksperimen)

Dapatan fasa II ini melibatkan ujian ke atas tiga soalan kajian dan tiga hipotesis kajian. Ianya telah menghasilkan 3 dapatan kajian. Instrumen ujian pra dan pos telah digunakan bagi menjawab ketiga-tiga persoalan kajian ini.

7.2.2.1 Rumusan dapatan pendekatan pengajaran pola ayat bahasa Arab berbantuan modul

Dapatan pertama kajian fasa II ialah pendekatan pengajaran menggunakan modul pengajaran pola ayat bahasa Arab lebih berkesan daripada pendekatan tradisional bagi meningkatkan kemahiran pelajar membina ayat bahasa Arab yang gramatis. Dalam ujian pra skor min pelajar kumpulan rawatan ialah 2.65 dari skala 5 dan skor min

pelajar kumpulan kawalan ialah 2.43 dari skala 5. Nilai t bagi ujian pra ini ialah 1.879 dan nilai signifikan ialah 0.062. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan min yang signifikan pada paras 0.05. Keputusan ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan antara pencapaian kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan dalam ujian pra.

Manakala dalam ujian pos, skor min pelajar kumpulan rawatan ialah 3.54 dari skala 5 dan skor min pelajar kumpulan kawalan ialah 2.66 dari skala 5. Nilai t bagi ujian pos ini ialah 7.835 dan aras signifikan ialah 0.00. Ini menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan pada paras 0.05. Keputusan ujian t ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian pelajar kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan dalam ujian pos. Oleh itu hipotesis nol pertama kajian fasa II ditolak. Ini bermakna tahap pencapaian pelajar kumpulan rawatan lebih baik dari kumpulan kawalan setelah mengikuti rawatan pendekatan pengajaran menggunakan modul pengajaran pola ayat bahasa Arab. Ini bermakna pencapaian pelajar kumpulan rawatan dalam membina ayat-ayat bahasa Arab yang gramatis lebih baik daripada kumpulan kawalan.

7.2.2.2 Rumusan dapatan pencapaian pelajar kumpulan rawatan dan kawalan dalam membina pola ayat bahasa Arab mengikut perbezaan 6 aras soalan berdasarkan Taksonomi Gronlund

Keputusan ujian t menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan antara pencapaian pelajar kumpulan rawatan dan kawalan dalam membina ayat bahasa Arab

mengikut perbezaan 6 aras soalan iaitu aras pengetahuan, aras kefahaman, aras aplikasi, aras analisis, aras sintesis dan aras penilaian dalam ujian pos.

Jadual 7.1 adalah rumusan keputusan ujian t bagi ke enam-enam aras soalan bagi kumpulan rawatan;

JADUAL 7.1: Rumusan Keputusan Ujian t Berdasarkan Enam Aras Soalan Bagi Kumpulan Rawatan

Bil	Aras Soalan	Skor Min Ujian Pra	Skor Min Ujian Pos	Nilai t	Sign.	Keputusan Ujian t
1.	Pengetahuan	2.46	3.25	4.506	0.00	Signifikan
2.	Kefahaman	3.16	4.25	6.866	0.00	Signifikan
3.	Aplikasi	3.13	3.57	5.199	0.00	Signifikan
4.	Analisis	2.42	3.15	5.085	0.00	Signifikan
5.	Sintesis	2.21	3.21	7.234	0.00	Signifikan
6.	Penilaian	2.03	3.13	5.268	0.00	Signifikan

Jadual 7.1 menunjukkan keputusan ujian t secara keseluruhan mengikut aras soalan bagi kumpulan rawatan. Dapatan menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan antara pencapaian ujian pra dan pos dalam kumpulan rawatan dalam ke enam-enam aras soalan.

Skor min ujian pra bagi aras pengetahuan adalah 2.46 dan skor min ujian pos adalah 3.25. Nilai t bagi ujian pos ialah 4.506 dan aras signifikan ialah 0.00. Sementara itu, skor min ujian pra bagi aras kefahaman adalah 3.16 dan skor min ujian pos adalah 4.25. Nilai t bagi ujian pos ialah 6.866 dan aras signifikan ialah 0.00. Skor

min ujian pra bagi aras aplikasi 3.13 dan skor min ujian pos adalah 3.57. Nilai t bagi ujian pos ialah 5.199 dan aras signifikan ialah 0.00. Skor min ujian pra bagi aras analisis 2.42 dan skor min ujian pos adalah 3.15. Nilai t bagi ujian pos ialah 5.085 dan aras signifikan ialah 0.00. Dalam aras sintesis pula, skor min ujian pra adalah 2.21 dan skor min ujian pos adalah 3.21. Nilai t bagi ujian pos ialah 7.234 dan aras signifikan ialah 0.00. Manakala aras penilaian pula, menunjukkan skor min ujian pra adalah 2.03 dan skor min ujian pos adalah 3.13. Nilai t bagi ujian pos ialah 5.268 dan aras signifikan ialah 0.00.

Secara keseluruhannya, keputusan ini menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan antara pencapaian ujian pra dan ujian pos dalam kumpulan rawatan. Sementara itu bagi keputusan ujian t bagi ke enam-enam aras soalan bagi kumpulan kawalan adalah seperti jadual 7.2 berikut;

JADUAL 7.2: Rumusan Keputusan Ujian t Berdasarkan Enam Aras Soalan Bagi Kumpulan Kawalan

Bil	Aras Soalan	Skor Min Ujian Pra	Skor Min Ujian Pos	Nilai t	Sign.	Keputusan Ujian t
1.	Pengetahuan	2.42	2.63	0.464	0.643	Tidak Signifikan
2.	Kefahaman	3.08	3.21	0.420	0.675	Tidak Signifikan
3.	Aplikasi	2.47	2.70	3.098	0.002	Signifikan
4.	Analisis	2.29	2.40	0.732	0.465	Tidak Signifikan
5.	Sintesis	1.89	2.17	2.000	0.047	Signifikan
6.	Penilaian	1.97	2.35	0.435	0.664	Tidak Signifikan

Jadual 7.2 menunjukkan keputusan ujian t secara keseluruhan mengikut aras soalan bagi kumpulan kawalan. Dapatan menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan antara pencapaian ujian pra dan pos dalam kumpulan kawalan bagi aras ketiga iaitu aras aplikasi dan aras kelima iaitu aras sintesis. Bagi aras aplikasi, skor min ujian pra 2.47 dan skor min ujian pos ialah 2.70. Nilai t bagi ujian pos ialah 3.098 dan aras signifikan ialah 0.002. Manakala bagi aras sintesis skor min ujian pra 1.89 dan skor min ujian pos ialah 2.17. Nilai t bagi ujian pos ialah 2.00 dan aras signifikan ialah 0.047. Walaupun dapatan ini menunjukkan perbezaan skor min yang signifikan antara ujian pra dan pos bagi aras aplikasi dan sintesis, namun nilai t bagi ujian pos kedua-dua aras ini adalah rendah.

Sementara itu, dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan antara pencapaian ujian pra dan pos dalam kumpulan kawalan bagi aras pengetahuan, kefahaman, analisis dan penilaian. Skor min ujian pra bagi aras pengetahuan ialah 2.42 dan skor min ujian pos ialah 2.63 dan nilai t bagi ujian pos ialah 0.464 dan aras signifikan ialah 0.643. Bagi aras kefahaman, skor min ujian pra ialah 3.08 dan skor min ujian pos ialah 3.21 dan nilai t bagi ujian pos ialah 0.675. Bagi aras analisis pula, skor min ujian pra ialah 2.29. Manakala skor min ujian pos ialah 2.40. Nilai t bagi ujian pos ialah 0.732 dan aras signifikan 0.465. Bagi aras penilaian pula skor min ujian pra ialah 1.97 dan skor min ujian pos ialah 2.35. Nilai t bagi ujian pos ialah 0.435 dan aras signifikan ialah 0.664.

Rumusan dari kedua-dua jadual 7.1 dan jadual 7.2 menunjukkan pencapaian pelajar kumpulan rawatan dalam ujian pos lebih tinggi jika dibandingkan dengan pencapaian pelajar kumpulan kawalan dalam ujian pos. Justeru itu, pelajar yang

menjalani rawatan menggunakan modul pengajaran pola ayat bahasa Arab mendapat pencapaian yang lebih tinggi daripada pelajar kumpulan kawalan yang menggunakan pendekatan pengajaran tradisional. Ini menunjukkan bahawa pendekatan pengajaran pola ayat bahasa Arab menggunakan modul lebih berkesan untuk meningkatkan kemahiran pelajar membina ayat bahasa Arab.

7.2.2.3 Rumusan dapatan pencapaian pelajar kumpulan rawatan dan kawalan dalam membina ayat bahasa Arab mengikut jenis sekolah

Kajian ini juga melihat skor pelajar dalam ujian pos mengikut jenis dan kategori sekolah. Jadual 7.3 berikut adalah skor pencapaian pelajar kumpulan rawatan mengikut kategori sekolah.

JADUAL 7.3: Pencapaian Pelajar Kumpulan Rawatan Dalam Membina Ayat bahasa Arab Mengikut Jenis Sekolah

Bil	Jenis Sekolah	Skor Min Ujian Pra	Skor Min Ujian Pos	Nilai t	Sign.	Keputusan Ujian t
1.	SMKA	3.14	3.86	13.52	0.00	Signifikan
2.	KAA	2.22	3.16	20.70	0.00	Signifikan

Jadual 7.3 perbezaan skor min ujian pra dan ujian pos antara sekolah SMKA dan KAA dalam kumpulan rawatan. Nilai t bagi KAA 20.70 dan nilai t bagi SMKA adalah 13.52 pada paras signifikan 0.00. Walaupun keputusan menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan di antara ujian pra dan pos bagi kedua-dua jenis sekolah, namun keputusan ujian t menunjukkan sekolah KAA mencatatkan pencapaian yang lebih tinggi dalam ujian pos jika dibandingkan dengan SMKA. Ini menunjukkan

penggunaan modul pengajaran pola ayat bahasa Arab di KAA lebih berkesan jika dibandingkan penggunaannya di SMKA.

7.2.2.4 Kesimpulan Dapatan Kajian

Dapatan-dapatan kajian di atas dapat disimpulkan seperti berikut;

- i. Pengajaran pola-pola ayat bahasa Arab menggunakan modul pengajaran pola ayat bahasa Arab lebih berkesan dari pengajaran menggunakan pendekatan tradisional untuk meningkatkan pencapaian pelajar dalam membina ayat gramatis mengikut pola-pola ayat yang telah ditetapkan. Ini adalah kerana pencapaian ujian pra bagi pelajar kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan adalah hampir sama. Manakala dalam ujian pos pula, pencapaian pelajar kumpulan rawatan yang mengikuti pengajaran pola ayat bahasa Arab menggunakan modul adalah lebih tinggi secara signifikan berbanding dengan kumpulan kawalan yang mengikuti pengajaran pola ayat bahasa Arab menggunakan pendekatan tradisional.
- ii. Pengajaran pola-pola ayat bahasa Arab menggunakan modul meningkatkan pencapaian pelajar kumpulan rawatan SMKA dan KAA dalam membina ayat bahasa Arab. Ini kerana terdapat peningkatan pencapaian pelajar kumpulan rawatan SMKA dan KAA dalam ujian pos adalah lebih signifikan jika dibandingkan dengan pencapaian pelajar kumpulan kawalan. Oleh itu, jelas menunjukkan bahawa penggunaan modul pengajaran pola ayat bahasa Arab dapat meningkatkan pencapaian pelajar dalam membina ayat bahasa Arab tanpa mengira jenis sekolah.

- iii. Walaupun pencapaian pelajar kumpulan rawatan SMKA dan KAA meningkat dalam membina ayat bahasa Arab, namun pencapaian pelajar kumpulan rawatan di sekolah aliran biasa (KAA) lebih tinggi dan signifikan berbanding dengan pencapaian pelajar di sekolah aliran agama (SMKA) selepas menggunakan modul pengajaran pola ayat bahasa Arab. Sehubungan dengan ini, bolehlah dikatakan penggunaan modul ini lebih sesuai di KAA sebagai satu pendekatan pengajaran pola ayat bahasa Arab.


7.3 IMPLIKASI DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini telah memberi impak terhadap aspek-aspek berikut;

7.3.1 Pedagogi Pengajaran Bahasa Arab

Dapatan kajian ini telah membuktikan bahawa pendekatan pengajaran pola ayat bahasa Arab berbantuan modul adalah berkesan dan meningkatkan keupayaan pelajar membina ayat-ayat yang gramatis berbanding pendekatan tradisional. Justeru itu, guru bahasa Arab disarankan untuk menggunakan modul ini dalam pengajaran pola ayat bahasa Arab di sekolah sebagai salah satu pendekatan alternatif.

Berdasarkan dapatan kajian ini dan impaknya terhadap pedagogi pengajaran guru bahasa Arab, satu model Pengajaran Pola Ayat Bahasa Arab Berbantuan Modul dicadangkan. Rajah 7.1 berikut adalah model pengajaran pola ayat bahasa Arab;



RAJAH 7.1 : Model Pengajaran Pola Ayat Bahasa Arab Berbantuan Modul

Model Pengajaran Pola Ayat Bahasa Arab Berbantuan Modul yang dicadangkan dalam rajah 7.1 ini, mengandungi tiga langkah iaitu *input*, proses dan *learning outcome*.

Dalam langkah *input* pelajar diberikan modul pengajaran pola ayat yang mengandungi kosakata, pola ayat ismiyyat dan pola ayat fi'liyyat. Dalam langkah ini, pelajar mempelajari pola ayat secara pembelajaran sendiri. Pelajar boleh belajar samada secara bersendirian ataupun berkumpulan kerana modul ini telah memberi panduan bagaimana pelajar membina ayat gramatis. Menurut Koh Boh Boon (1981: 61) pengajaran terancang yang berupa modul membolehkan pelajar belajar sendiri mengikut kebolehan masing-masing. Pelajar disaran untuk mengingat kosa kata dan pola ayat ismiyyat dan pola ayat fi'liyyat.

Dalam langkah kedua pula, proses pengajaran pola ayat berbantuan modul berlaku. Guru bertindak sebagai pemudahcara dalam menerangkan jenis-jenis pola ayat bahasa Arab dan pembinaan ayat-ayat gramatis mengikut pola-pola ayat tersebut. Dalam langkah ini guru boleh mempelbagaikan kaedah pengajaran bahasa Arab seperti kaedah terus (*direct method*), kaedah nahu terjemahan, kaedah audio-visual, kaedah ajuk-hafaz dan lain-lain. Pemilihan kaedah ini bergantung kepada keupayaan dan latarbelakang pelajar. Selain itu strategi pembelajaran secara berkumpulan (*cooperative learning*) disarankan dalam fasa ini. Ini membolehkan pelajar dapat berbincang sesama mereka bagaimana proses pembinaan ayat bahasa Arab yang gramatis berpandukan pola yang diberikan. Dalam fasa ini juga, guru perlu memastikan para pelajar dapat mengingat pola-pola ayat dan kosakata yang terdapat dalam modul ini. Pelajar yang belum menguasai kosakata dan pola-pola tersebut perlu

mengulangi langkah pertama iaitu fasa input iaitu mempelajari modul secara pembelajaran sendiri.

Langkah ketiga adalah fasa hasil pembelajaran (*learning outcome*). Hasil pembelajaran ini dapat diukur melalui instrumen penilaian yang telah disediakan iaitu penilaian formatif dan sumatif. Penilaian formatif adalah penilaian berterusan semasa proses pengajaran dan pembelajaran berjalan bagi menilai keupayaan pelajar dalam setiap unit pengajaran modul. Manakala penilaian sumatif adalah penilaian yang dijalankan di akhir proses pengajaran dan pembelajaran modul bagi menilai keberkesanan pengajaran secara keseluruhan.

Bagi pelajar-pelajar yang belum mampu menghasilkan ayat-ayat yang gramatis, guru perlu mengulangi langkah yang kedua melalui aktiviti pemulihan dan pengukuhan. Manakala pelajar yang telah berupaya menghasilkan ayat yang gramatis, maka aktiviti-aktiviti pengayaan perlu dicadangkan oleh guru.

Model pengajaran dan pembelajaran pola ayat bahasa Arab yang dicadangkan ini telah menyokong teori pembelajaran Bandura (1986) yang menjadi kerangka teoritikal kajian ini. Teori Bandura mempunyai empat fasa iaitu fasa pemerhatian, fasa mengingat, fasa reproduksi dan fasa pengukuhan.

7.3.2 Penggubalan Kurikulum dan Penulisan Buku Teks Bahasa Arab

Keberkesanan pendekatan pengajaran menggunakan modul pola ayat bahasa Arab ini juga dapat memberi impak kepada pihak penggubal kurikulum dan penulis buku teks bahasa Arab. Ini adalah kerana pembinaan modul ini dilakukan secara teliti dan terancang. Pengkaji telah menjalankan analisis keperluan sebelum membina modul bagi memastikan tahap kecekapan bahasa pelajar yang menjadi responden kajian. Selain itu, masalah pembelajaran bahasa Arab juga telah dikenalpasti sebelum bahan modul dibina.

Oleh itu, daripada hasil dapatan kajian ini, pengkaji berharap pihak pusat perkembangan kurikulum dan bahagian buku teks Kementerian Pelajaran Malaysia dapat mengaplikasi pendekatan alternatif ini dalam penggubalan kurikulum bahasa Arab dan penerbitan buku teks agar persembahan bahan pengajaran pola ayat bahasa Arab menjadi lebih menarik, tersusun, dan mudah difahami pelajar serta bersesuaian dengan tahap umur dan pengalaman mereka.

7.3.3 Pensyarah Bahasa Arab di IPTA dan IPG

Adalah diharapkan dapatan kajian ini menjadi wadah dan contoh kepada pensyarah bahasa Arab di IPTA dan IPGM dalam menghasilkan bahan pengajaran yang terancang dan menarik minat pelajar. Selain itu juga hasil dapatan kajian ini juga dapat dimanfaatkan oleh para pensyarah di institusi-institusi perguruan samada di IPTA dan IPGM dalam mendedahkan kepada bakal guru-guru bahasa Arab tentang

pendekatan alternatif yang efektif dalam pengajaran pola ayat bahasa Arab berbantuan modul.

7.4 Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian ini telah merintis satu usaha dalam mengorak langkah memulakan satu dimensi baru dalam dunia pendidikan bahasa Arab. Dapatan kajian ini dapat dimanfaatkan oleh beberapa agensi termasuk Kementerian Pelajaran, pensyarah, guru dan pelajar bahasa Arab. Dalam mendalami lagi kajian seperti ini, maka pengkaji mengemukakan beberapa cadangan untuk kajian lanjutan;

- i. Kajian ini hanya tertumpu kepada pelajar sekolah SMKA dan aliran KAA yang ditadbirkan oleh Kementerian Pelajaran, maka dengan ini adalah dicadangkan agar kajian ini boleh dijalankan ke atas sekolah-sekolah yang dikelolakan oleh pihak kerajaan negeri.
- ii. Kajian ini hanya melibatkan pelajar tingkatan satu dan dua sahaja, adalah dicadangkan agar kajian ini diperluaskan lagi bagi pelajar-pelajar menengah atas iaitu pelajar tingkatan empat dan tingkatan enam.
- iii. Kajian ini hanya tertumpu kepada pembinaan modul dan menguji keberkesanan modul pengajaran pola ayat bahasa Arab dalam aspek penulisan, maka adalah dicadangkan agar pembinaan modul ini digantikan dengan pembinaan portal pola ayat bahasa Arab dan melihat kesan penggunaannya dalam aspek pertuturan.

7.5 PENUTUP

Bab ini telah merumuskan kajian secara menyeluruh merangkumi tujuan kajian, kerangka teoritikal kajian, bentuk kajian, instrumen kajian dan pendekatan analisis data yang digunakan bagi menjawab persoalan kajian. Seterusnya diikuti dengan rumusan dapatan kajian dan kesimpulannya. Di samping itu, pengkaji mengutarakan beberapa impak kajian dari perspektif pedagogi pengajaran bahasa Arab di sekolah dan impaknya terhadap strategi pembelajaran pelajar. Selain itu, didapati kajian ini juga dapat memberi impak kepada penggubalan kurikulum bahasa Arab dan penulisan buku teks. Bagi guru-guru dan pensyarah IPTA dan IPG, dapatan kajian ini dapat membantu mereka membina bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dengan lebih baik dan menarik. Selain itu, bahan-bahan ini boleh dijadikan satu pendekatan alternatif dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

Akhir sekali, kajian ini telah menghasilkan satu model pengajaran pola ayat bahasa Arab yang boleh digunakan sebagai satu pendekatan pengajaran alternatif bagi meningkatkan lagi mutu pengajaran pola-pola ayat bahasa Arab di sekolah-sekolah seluruh Malaysia.